

---

Title	Ejaan Rumi bahasa Melayu sehingga ejaan Za'ba
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1987 Muhammad Ariff bin Ahmad

Haji Muhammad Ariff Ahmad  
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura  
untuk siaran Radio 2

EJAAN RUMI BAHASA MELAYU  
SEHINGGA EJAAN ZA'BA

Ejaan Rumi Melayu sistem Za'ba ialah ejaan Rumi Melayu yang pertama disusun oleh seorang ahli bahasa Melayu dari kalangan orang Melayu. Sebelum Ejaan Rumi sistem Za'ba itu ada 12 bentuk ejaan Rumi Melayu yang telah dihasilkan oleh orang-orang Eropah menurut caranya sendiri-sendiri. Semenjak David Barbosa [seorang captain tentera Portugis di Melaka TM 1516] berkata-kata Melayu sudah dituliskan dengan huruf Latin. Oleh kerana bahasa Melayu dipelajari semata-mata untuk kepentingan mereka menguasai perdagangan dan penjajahan mereka di sini maka tentulah ejaan bahasa Melayu itu diselaraskan dengan cara mereka mengeja untuk bahasanya sendiri.

Tahun 1516, David Barbosa mengejakan berkata Melayu itu menurut kaedah Portugis untuk kegunaan pegawai-pegawai dan mubaligh kristian Portugis. Pada tahun 1521 pula, Antonio Pigafette [seorang padri Itali yang mengikuti Magellan mengelilingi dunia] telah menuliskan daftar 400 berkata Melayu, antaranya:

kekata "keris"	dieja: calix
kekata "itu"	dieja: yto
kekata "kapir"	dieja: caphre
kekata "punya"	dieja: pugna
kekata "jahat"	dieja: giadihiat
kekata "kerja"	dieja: cariar
kekata "pisau"	dieja: pixao.

Pigafetta mengejakan berkata Melayu itu semata-mata mengikut pendengarannya tanpa menggunakan vokal-vokal tertentu: /a/ dipakai untuk "a" dan "e", misalnya: pada caphre /a/ digunakan sebagai "a" tetapi pada calix dan cariar /a/ digunakan pula sebagai "e". Untuk "i" kadang-kadang digunakan /i/ seperti pada calix, kadang-kadang digunakan pula /y/ seperti pada yto. Pigafetta menggunakan konsonan /x/ untuk "s", /c/ untuk "k", /gn/ untuk "ny" dan /ao/ untuk diftong "au".

Tahun 1598, Cornelis de Houtman [ketua angkatan saudagar Belanda] pula menuliskan:

kekata "kapir"	dieja: capyer
----------------	---------------

kekata "itu"	dieja: itowen
kekata "hidung"	dieja: yrot dan
kekata "buang"	dieja: bewang
kekata "jahat"	dieja: tgahet
kekata "kitabunya"	dieja: quitabota

Ejaan Houtman ini masih seperti dasar ejaan Pigafetta, yaitu mengikuti bunyi yang didengar daripada sebutan orang Melayu, tetapi pendengaran Houtman tak sama dengan pendengaran Pigafetta.

Tahun 1701, Thomas Bowrey menulis sebuah buku Nahu Bahasa Melayu untuk orang Inggeris belajar bahasa Melayu, dengan ejaan seperti:

kekata "keris"	dieja: cerees
kekata "saputangan"	dieja: sapedon [sapu hidung]
kekata "kamu punya"	dieja: camooponea
kekata "dia"	dieja: dea
kekata "yang"	dieja: eang
kekata "paras"	dieja: parasch

Pada ejaan Bowrey ini terdapat seakan-akan sudah ada pegangan tentang vokal, iaitu /a/ untuk "a", /ee/ untuk "i", /oo/ untuk "u" dan /e/ untuk "e", "i" [pendek] dan semivokal "y". /c/ masih digunakan Bowrey untuk "k".

Tahun 1812, William Marsden telah menulis kamus Melayu-Inggeris dengan menggunakan ejaannya, seperti:

kekata "keris"	dieja: kreess
kekata "punya"	dieja: poonya
kekata "jadi"	dieja: jaddee
kekata "bulu"	dieja: booloo
kekata "gugur"	dieja: googoor

Ejaan Marsden itu menyerupai ejaan Bowrey tetapi tidak menggunakan vokal /e/ untuk membunyikan "e". Marsden menggunakan konsonan tanpa vokal untuk membunyikan "e" misalnya pada kreess.

Pengaruh pengejaan Bowrey dan Marsden ini masih terdapat pada ejaan lama nama-nama seperti Mahmood, Dawood, Ramlee dan yang sebagainya.

Tahun 1876, Le Abbe P Fabre menuliskan kekata-kekata Melayu dengan, seperti:

*Ejaan*

kekata "cahaya"	dieja: xahaya
kekata "pencukur"	dieja: penxukor [tukang gunting]
kekata "sakai"	dieja: sakay [hamba; kuli]
kekata "kalau"	dieja: calaw
kekata "Senoi"	dieja: Senoy [sebangsa orang asli]

Fabre menggunakan /x/ untuk "c". Kaedah yang menonjol pada ejaan Fabre itu ialah penggunaan /ay/ sebagai diftong "ai", /aw/ sebagai diftong "au" dan /oy/ sebagai diftong "oi" [walaupun menurut Prof Dr Prijana bahawa "oi" itu bukan diftong tetapi ialah dua vokal sejajar]. Penandaan /ay/, /aw/ dan /oy/ sebagai diftong Fabre itulah yang mendorong Asas 50 dan PBMUM mengemukakan kepada KPBM3 [dalam tahun 1956] supaya menjadikannya diftong Melayu dalam ejaan baru yang akan dibentuk, dahulu..

Tahun 1877, H von de Wall dan H N van der Tuuk menuliskan dalam kamusnya ejaan-ejaan seperti:

kekata "dia"	dieja: dija
kekata "dua"	dieja: doewa
kekata "kain"	dieja: kajin
kekata "cair"	dieja: tjajir
kekata "buang"	dieja: boewang
kekata "tuan"	dieja: toewan

Sistem vokal dalam ejaan de Wall dan van der Tuuk itu lebih jelas daripada ejaan-ejaan sebelumnya, tetapi vokal sukukata pertamanya disabdukan dengan vokal pemula sukukata berikutnya, seperti pada kekata kajin, tjajir, toewan dan yang sebagainya.

Kaedah de Wall dan van der Tuuk menyabdukan dua vokal itu diikuti oleh D J Pijnappel yang menulis kamusnya pada tahun 1833. Pijnappel menuliskan:

kekata "keris"	dengan ejaan: kerris
kekata "makka"	dengan ejaan: makka
kekata "kapur"	dengan ejaan: kappoer
kekata "nenek"	dengan ejaan: nenneq

Tahun 1885, C Klinkert pula menuliskan:

kekata "semalam"	dengan ejaan: sa-malam
kekata "segala"	dengan ejaan: sa-gala
kekata "sekalian"	dengan ejaan: sa-kalian

Tahun 1899, Rev W G Shellabear [seorang padri Prancis] pula telah menuliskan kekata-kekata Melayu dengan ejaannya seperti:

kekata "keris"	dieja: kris
kekata "pelita"	dieja: plita
kekata "besar"	dieja: bsar
kekata "kemarin"	dieja: klmarin
kekata "sendiri"	dieja: sndiri
kekata "baru"	dieja: bharu

Sekali imbas kita dapat melihat ejaan Shellabear itu seperti satu alih tulis dari Jawi ke Rumi.

Tahun 1900, diperkenalkan sistem ejaan Ch A van Ophuisen yang disusun untuk kepentingan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Hindia Belanda [sekarang INDONESIA] atas perintah kerajaan Belanda. Ophuisen menggunakan sistem fonemik dengan vokal-vokal /a/, /e/, /é/, /i/, /o/ dan /oe/ dan untuk menyesuaikan konsonan-konsonan Melayu yang tidak ada huruf ruminya, digunakan huruf-huruf kembar /dj/, /tj/, /sj/ /nj/, /ch/, /ts/ dan yang sebagainya. Dalam pengejaannya Ophuisen menggunakan sistem sempit+sempit; luas+luas.

Tahun 1902, sistem ejaan R J Wilkinson telah disusun untuk kepentingan persekolahan Melayu di Negeri-negeri Melayu yang Bersekutu (F.M.S.) iaitu negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri 9 dan Pahang atas arahan The Government of the Federation of Malay States itu.

Sistem ejaan Wilkinson ini merupakan perbaikan ejaan-ejaan Kamus Maxwell yang digunakan di Negeri-negeri Selat (Straits Settlement) yang penggunaan vokalnya tidak sekata; ejaan Rev Shellabear yang tidak sempurna; ejaan dalam buku-buku berbahasa Melayu yang ditulis oleh baba-baba peranakan; dan ejaan-ejaan menurut kaedah Old Dutch dan Modern Dutch.

Pada tahun 1933 kita diperkenalkan dengan ejaan sistem Za'ba yang disiapkan oleh Encik Zainal Abidin b Ahmad [kemudiannya: Pendita Datok Dr Za'ba]. Sistem itu mengandungi lapan fasal yang dihuraikan dalam empat puluh undang-undang.

Lapan fasal yang dibincangkan itu ialah [1] saksi halus atau saksi kasar di hujung, [2] ejaan bunyi berkait, [3] ejaan perkataan yang belum tetap, [4] ejaan bunyi yang keliru, [5] ejaan perkataan dari ba-

hasa dagang, [6] ejaan memakai penambah, [7] memakai sempang, dan [8] memakai huruf besar.

Pada dasarnya sistem ejaan Za'ba ini juga menggunakan sistem fonemik seperti yang digunakan Ophuisen dan Wilkinson. Za'ba menggunakan vokal-vokal /a/, /e/, /<sup>o</sup>e/, /i/, /o/ dan /u/, dan konsonan-konsonan anglo-saxon.

Dalam penyesuaian (harmonisasi) vokal, Za'ba menggunakan kaedah sempit+sempit dan luas+luas juga; hanya Za'ba membuat kekecualian pada morfem kedua tertutup, jika konsonan penutup morfem itu fonem /k/, /h/ /r/ atau /ng/ maka vokal sempit tidak harus digunakan, misalnya: duduk [bukan:duduk], sireh [bukan: sirih], hibor [bukan: hibur], terong [bukan: terung] dan sebagainya.

Tentang ejaan yang ditulis dua macam dalam kamus Wilkinson terbaru [1918], Za'ba menetapkan satu sahaja: ringan [bukan: rengan], bunchit [bukan: bonchit], bonda [bukan: bunda], derhaka [bukan: dera-haka atau durhaka], sihat [bukan: sehat] dan yang sebagainya.

Tentang ejaan perkataan dari bahasa dagang, Za'ba menentukan bahawa mana-mana yang sudah sehati dengan bahasa Melayu hendaklah dieja seperti ejaan Melayu, misalnya: loyar, pereman, sepanar, talipon, dan yang sebagainya, tetapi mana-mana belum sehati hendaklah dieja seperti ejaan asalnya, misalnya: motor-car, stamp, pass, electric dan lain-lain yang sebagainya.

Za'ba membezakan awalan-awalan ka dengan ke dan sa dengan se, tetapi dibuatnya kekecualian bagi ka- dan sa- yang dihubungkan dengan kekata yang menjadi kata perbuatan, misalnya: ka-luar dengan keluar; sa-rupa dengan diserupakan, dan lain-lain yang sebagainya.

Tentang penggunaan tanda sempang pada kata ganda, Za'ba membenarkan kekata itu menggunakan tanda sempang ataupun menggunakan angka 2, misalnya: berganti-ganti [berganti2]; mengada-ngada [mengada2] dan lain-lain yang sebagainya.

sekian dulu untuk sekarang, pada kesempatan yang lain, insya Allah, akan saya bahaskan pula ejaan Fajar Asia, ejaan Soewandi, ejaan Asas 50, ejaan PBMUM, ejaan KPBMM3 sehingga ke Ejaan Melindo. Sehingga itu, wabillahir-hidayah wat-Taufiq; wassalamualaikum wr wb.

Feb 16, 1987.

Haji Muhammad Ariff Ahmad